

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HBT 203 - Bahasa, Undang-undang dan Penterjemahan II**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **SOALAN 1** dan **SOALAN 2** di **Bahagian A** dan mana-mana **DUA** soalan lain di **Bahagian B**.
2. Tulis semua jawapan dalam buku jawapan.

**Bahagian A**

1. Soalan [a] hingga [d] hendaklah dijawab dengan maklumat yang terperinci.

[a] "Almost all **common law offences** and serious **statutory offences** require two elements, **actus reus** and **mens rea**; in the words of the Latin Maxim: **actus non facit reum nisi mens sit rea.**"

[i] Dalam undang-undang jenayah, apakah perbezaan antara *common law offences* dan *statutory offences*?

[ii] Dalam kesalahan *strict liability*, beri ulasan tentang kedudukan *mens rea*.

[iii] Apakah maksud "*actus non facit reum nisi mens sit rea*"?

[6 markah]

[b] Jawab [i] hingga [iii].

[i] Apakah liabiliti jenayah (*criminal liability*)?

[2 markah]

[ii] Dengan memberi contoh yang sesuai, apakah *actus reus* dan *mens rea* yang diperlukan dalam jenayah [a] hingga [d]?

[a] bunuh

[b] bigami

[c] pencurian

[d] serang

[8 markah]

[iii] Apakah perbezaan antara 'bunuh' dengan 'pematian orang'?

[4 markah]

[c] Jawab [i] DAN [ii].

[i] Dikatakan ada empat jenis minda berbuat jenayah (*mens rea*). Sebutkan keempat-empatnya. Apakah perbezaan antara jenis-jenis *mens rea* dalam empat jenis minda tersebut?

[6 markah]

...3/-

- [ii] Terangkan maksud [a] hingga [c] dalam undang-undang jenayah.
- [a] automatisma [2 markah]
- [b] pembebasan adalah "at the pleasure of the Yang Di Pertuan Agung" [2 markah]
- [c] Hukum M'Naghten [5 markah]
- [d] Jawab [i] hingga [v].
- [i] Apa yang anda fahami dengan *prima facie*? Bilakah dan siapakah yang perlu membuat pembuktian? [3 markah]
- [ii] Apakah maksud *the standard of proof* dan *the burden of proof* oleh Pendakwa Raya dalam senario perbicaraan di mahkamah? [3 markah]
- [iii] Dalam situasi apakah pihak pembela menanggung beban *burden of proof* dan apakah *standarnya*? [3 markah]
- [iv] Apakah jenis-jenis pembelaan (*defences*) bagi tertuduh oleh pembela dalam kes bunuh dan dalam kes pematian orang? [4 markah]
- [v] Apakah maksud *reasonable man standard* dalam pembelaan kesalahan jenayah? [2 markah]
2. Jawab [a] DAN [b].
- [a] Jawab [i] hingga [iii].
- [i] Terangkan apa yang dimaksudkan dengan kesalahan inkoat? [2 markah]
- [ii] Daripada segi *actus reus* dan *mens rea*, apakah perbezaan antara *incitement*, *conspiracy* dan *attempt*? [6 markah]
- ...4/-

[iii] Terangkan bilakah seseorang itu dapat dianggap sebagai pihak-pihak dalam jenayah (*parties to a crime*)?

[4 markah]

[b] Jawab [i] DAN [ii].

[i] Bezakan antara 'serang' (*assault*) dan 'serang-sentuh' (*battery*).

[2 markah]

[ii] Terangkan maksud 'homisid' (*homicide*).

[6 markah]

### Bahagian B

3. Jawab [a] hingga [c].

[a] Dalam kesalahan jenayah, huraikan pembelaan dalam kes gila, mempertahankan diri dan duress.

[4 markah]

[b] Apakah maksud bahagian-bahagian yang bergaris?

"A person is guilty of theft if he dishonestly appropriates property belonging to another with the intention of permanently depriving the other of it."

[6 markah]

[c] Apakah perbezaan antara *handling*, *robbery*, *burglary* dan *blackmail*?

[5 markah]

4. Jawab [a] hingga [c].

[a] Apakah kesignifikanan kes *Woolmington lwn. Director of Public Prosecution* (1935) dalam undang-undang keterangan?

[3 markah]

[b] Terangkan maksud *voir dire*.

[4 markah]

[c] Bagaimanakah keterangan diklasifikasikan dan apakah maksudnya?

[8 markah]

...5/-

5. Jawab [a] hingga [c].
- [a] Apakah 'amanah' serta terangkan cara mewujudkannya.  
[3 markah]
- [b] Huraikan *resulting trust*.  
[4 markah]
- [c] Huraikan 'kepastian-kepastian' (*certainties*) dalam sesuatu 'amanah'.  
[8 markah]
6. Jawab [a] hingga [c].
- [a] Terjemahkan petikan berikut:  
"The tort of negligence comprises three elements, duty of care, breach of that duty, and damage caused to the plaintiff by that breach."  
[3 markah]
- [b] Dengan contoh-contoh yang sesuai, terangkan maksud petikan dalam [a] di atas dalam undang-undang tort.  
[6 markah]
- [c] Terangkan maksud 'jiran' dalam undang-undang tort.  
[6 markah]